

BERITA HARIAN, ISNIN, 25 JANUARI, 1982

1,000 ahli PAM

HUTAN MELINTANG, Ahad — Sebuah badan kebajikan yang terbesar di Hillr Perak, Persatuan Amar Makruf (PAM) yang diasaskan oleh Duta Besar Malaysia ke Mesir, Datuk Haji Hassan Adli, sekarang mempunyai ahli seramai 1,000 orang.

Ketua persatuan tersebut, Haji Zakaria Haji Bakri memberitahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meluluskan peruntukan \$300,000 untuk pembinaan bangunan Institut Pengajian Tinggi Islam di Batu 20, Bagan Pasir melalui PAM.

Perdana Menteri juga, katanya, telah merasmikan mesyuarat agung persatuan itu tidak lama dulu.

Dalam mesyuarat itu juga, Datuk Haji Hassan Adli, Ahli Parlimen kawasan Bagan Datoh dipilih semula menjadi Yang Dipertuanya.

Haji Wahab berkata, beliau akan meminta Kerajaan Negeri supaya memberi peruntukan membaiki jalan kampung dari Parit Satu hingga Parit Tujuh.

Menurutnya, jalan rizab tengah tersebut perlu dibaiki untuk memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk kampung membawa hasil-hasil mereka keluar ke bandar dan juga menyenangkan kanak-kanak sekolah.

Jalan yang dibina tiga tahun dahulu itu ditinggalkan terbiar tanpa dibersihkan, katanya.